

**WAWANCARA BERHUBUNG ISU MENGELUAR DAN
MENGAGIHKAN ZAKAT SECARA SENDIRI
BERSAMA
S.S. DATO' SERI UTAMA DIRAJA MUFTI SELANGOR**

- 1. Apakah pandangan Dato' terhadap segelintir daripada masyarakat yang lebih gemar mengeluarkan dan mengagihkan zakat secara sendiri?**

Pada masa kini, kita sedang berada pada zaman yang semakin membangun berdasarkan perkembangan dunia yang semakin global. Negara kita, Malaysia telah disasarkan untuk menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020. Negeri Selangor selaku peneraju pembangunan dan kemajuan di negara ini, telah mengorak langkah seiring pada kadar yang lebih pantas, yang mana telah diisytiharkan sebagai negeri maju pada tahun 2005 lalu.

Untuk itu, sebagai sebuah negeri maju, pelaksanaan segala dasar serta kecekapan mentadbir dan mengurus menjadi satu penanda aras untuk mengukur sejauh mana kesungguhan dan keupayaan pihak pentadbir memacu negeri ini ke suatu tahap yang lebih baik dari sebelumnya.

Penubuhan Pusat Zakat Selangor yang kini dikenali sebagai Lembaga Zakat Selangor(LZS) dalam mengurus dan mentadbir urusan zakat di negeri ini, telah membuktikan bahawa kaedah kutipan dan pengagihan wang zakat yang dilaksanakan secara sistematik, adalah lebih baik dan efisien demi kepentingan umat Islam di negeri ini. LZS yang bertindak selaku amil, sentiasa memastikan agihan wang zakat disalurkan mengikut kelompok asnaf yang telah ditetapkan dan sampai kepada golongan sasaran yang berkecukupan.

Bagi sesetengah individu dan segelintir masyarakat kita yang lebih gemar untuk mengeluarkan dan mengagihkan zakat secara sendiri, saya melihat tindakan ini sebagai kurang tepat dan kurang bijak. Kita pada masa kini telah mempunyai sebuah institusi yang mempunyai kewibawaan dalam urusan pentadbiran dan pengurusan zakat yang cekap serta diiktiraf antara yang terbaik di dalam negara kita, malah negara jiran juga telah mengadakan kunjungan hormat serta mengambil contoh daripada kita bagaimana untuk mengurus wang zakat dengan lebih sistematik . Kecekapan dan keupayaan Lembaga Zakat Selangor dalam mengurus wang zakat telah dibuktikan melalui pelbagai pendekatan dan program yang telah, sedang dan akan dilaksanakan.

Kita perlu insaf bahawa untuk menjana ekonomi umat Islam, selain daripada harta wakaf, zakat adalah merupakan sistem ekonomi yang terbaik. Untuk itu, semua anggota masyarakat perlu bersama-sama untuk menyokong dan mendokong usaha ini dengan menyalurkan wang zakat melalui LZS agar kita sama-sama dapat membantu saudara Islam kita yang lain bagi mempertingkatkan serta memperkukuhkan ekonomi umat Islam.

Justeru itu, LZS yang berperanan sebagai amil akan terus menjalankan tanggungjawabnya demi kemaslahatan dan kesejahteraan umat Islam khususnya di negeri ini.

2. Apakah pula pandangan atau hukum daripada Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor terhadap mereka yang mengagihkan zakatnya sendiri tanpa melalui badan/institusi yang dipertanggungjawabkan?

Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor tidak membincangkan isu ini secara terperinci kerana ia merupakan isu atau permasalahan umum yang tidak memerlukan kepada fatwa. Walau bagaimanapun, saya melihat isu ini adalah lebih kepada persoalan dalaman setiap individu sebagai pengeluar zakat.

Walaupun dengan mengagihkan sendiri wang zakatnya hukumnya tetap sah, tetapi ia hanya disalurkan atau diberikan hanya kepada beberapa asnaf atau golongan tertentu yang tidak menyeluruh, sedangkan zakat menjadi milik kepada (8) asnaf, yang mana masing-masing memerlukan peruntukan tersebut sebagai golongan sasaran. Oleh itu, adalah lebih baik pengeluaran wang zakat itu disalurkan kepada badan /institusi yang telah dipertanggungjawabkan iaitu LZS untuk mengurus wang zakat agar sistem agihan yang adil, sempurna dan saksama dapat dilaksanakan, dengan harapan misi utama kita untuk membantu serta memperkukuh ekonomi umat Islam matlamatnya akan tercapai.

3. Seandainya zakat itu boleh diagihkan sendiri tanpa melalui badan atau institusi yang dipertanggungjawabkan, apakah ciri-ciri yang membolehkannya?

Zakat adalah ibadah maliyyah yang mempunyai dimensi dan fungsi ekonomi dalam aspek sosial. Ia juga merupakan pewujudan solidariti sosial, pernyataan rasa kemanusiaan dan keadilan, pembuktian persaudaraan Islam, pengikat kesatuan ummah dan bangsa, sebagai pengikat batin antara golongan kaya dengan yang miskin dan sebagai penimbun jurang yang menjadi pemisah antara golongan yang kuat dengan yang lemah.

Zakat juga merupakan teras kepada sistem ekonomi ummah. Ini adalah kerana, matlamatnya yang dapat diterima oleh semua, iaitu membangun insan dan membasmi kemiskinan secara holistik. Selain itu, prinsip dan falsafahnya yang bersifat universal, mampu melangkaui setiap isu dan persoalan secara mikro dan makro. Cuma yang mungkin berbeza adalah dari segi cara pengurusan dan pelaksanaannya sahaja yang mana hari ini ia diuruskan oleh institusi yang telah dipertanggungjawabkan seperti LZS.

Sekiranya seseorang individu/syarikat yang ingin mengagihkan zakatnya secara sendiri, ia perlu memberikan zakatnya itu sekurang-kurangnya

kepada tiga asnaf. Perkara ini sudah pasti akan menyukarkan kepada mereka untuk berbuat demikian di samping hanya tiga asnaf sahaja akan mendapat manfaat wang zakat tersebut. Sebaliknya, jika seseorang individu/syarikat mengeluarkan zakatnya melalui LZS, agihan akan dilaksanakan secara lebih meluas dan menyeluruh dengan mengambil kira keperluan peruntukan bagi setiap asnaf yang ada.

- 4. Adakah wajar seseorang individu/syarikat itu mengambil sebahagian daripada bahagian zakat untuk diagihkan sendiri sementara sebahagian lagi diserahkan kepada badan/institusi yang dipertanggungjawabkan?**

LZS telah melaksanakan tanggungjawabnya sebagai amil dengan prestasi yang amat baik sekali. Ia terbukti dengan kemampuan Lembaga Zakat Selangor untuk mengutip lebih RM 100 juta pada tahun lalu dan mengagihkannya dengan telus. Oleh yang demikian, dengan kemampuan dan komitmen yang telah ditunjukkan oleh LZS, adalah amat tidak wajar bagi seseorang individu/syarikat untuk mengagihkan sebahagian zakatnya secara sendiri dan sebahagian yang lain diserahkan kepada LZS. Kepercayaan dari semua pihak adalah amat penting bagi LZS untuk terus menunaikan amanah dan tanggungjawab terhadap umat Islam di negeri ini.

- 5. Pada masa ini terdapat trend pembayar sama ada di kalangan individu/syarikat yang meletakkan syarat bahawa mereka hanya bersetuju mengeluarkan zakat kepada badan/institusi yang dipertanggungjawabkan dengan menyatakan sebahagian daripada amaun tersebut hendaklah diperuntukkan untuk agihan tertentu seperti pembinaan surau-surau. Oleh itu, apakah pandangan Dato' dari sudut hukum syara' berkenaan perkara tersebut?**

Kita sedia maklum bahawa zakat mempunyai beberapa asnaf yang tertentu untuk diagihkan. Kita tidak boleh menetapkan sebarang syarat untuk menetapkan agihan wang zakat itu kepada agihan/tujuan yang

tertentu sahaja. Sekiranya ia berbuat demikian, bermakna seseorang individu/syarikat tersebut telah menafikan hak asnaf-asnaf yang lain. Oleh itu, LZS sebagai amil berhak untuk mengagihkan peruntukan kepada setiap asnaf mengikut masalahat dan keperluan di mana ianya berbeza keadaannya pada setiap tahun berdasarkan bentuk agihan dan keperluan semasa.

6. Adakah wajar pembayar zakat di negeri ini memindahkan hak zakat ke negeri-negeri lain dengan mengagihkannya sendiri kepada individu/badan tertentu atas alasan mereka lebih susah dan amat memerlukan bantuan tersebut?

Zakat adalah asas kepada perkembangan ekonomi dan dasar fiskal (cukai). Selain itu zakat juga merupakan suatu instrumen pengagihan kekayaan dan antara penyelesaian kepada masalah kemiskinan dan kefakiran yang harus dilaksanakan secara sepenuhnya. Selain dari ibadat, ia juga memerlukan pihak yang kaya memberi kepada yang memerlukan. Tindakan atau perbuatan memindahkan hak zakat ke negeri-negeri lain dilihat sebagai sesuatu yang tidak wajar dilakukan. Ini disebabkan sesuatu zakat itu dibayar/dikeluarkan adalah berdasarkan kepada tempat di mana seseorang individu itu mencari rezeki, juga berdasarkan tempat atau negeri sesebuah syarikat itu beroperasi.

Alasan untuk memindahkan hak zakat ke negeri lain dengan mengagihkannya sendiri dengan menyatakan bahawa mereka lebih susah dan amat memerlukan bantuan adalah tidak tepat. Ketika ini, semua negeri di Malaysia telah mempunyai institusi zakat mereka sendiri dan mengagihkannya dalam kawasan negeri masing-masing.

Sekiranya ada pihak yang menyatakan Negeri Selangor telah mempunyai kutipan zakat yang tinggi serta tidak perlu membayar zakat di Selangor dan memindahkannya ke negeri lain yang kurang kutipan zakatnya, saya tidak bersetuju dengan perkara ini. Bahkan saya berpandangan, adalah lebih berdisiplin sekiranya mana-mana institusi

zakat di Malaysia ini, yang pungutan zakatnya masih rendah dan mengalami kekurangan kutipan yang diperlukan oleh golongan asnaf, agar memohon kepada LZS bagi menampung sebahagian kekurangan yang dihadapi.

Negeri Selangor walaupun kutipan zakatnya mencecah lebih RM 100 juta, ia adalah merupakan inisiatif Lembaga Zakat Selangor sendiri yang sentiasa berkerja keras dalam meningkatkan bilangan pembayar serta jumlah kutipan pada setiap tahun melalui pelbagai rancangan dan program yang telah dilaksanakan.

Dalam masa yang sama, walaupun jumlah kutipan zakat negeri ini agak besar berbanding dengan negeri-negeri yang lain, satu perkara yang harus diberi perhatian adalah jumlah agihannya juga besar iaitu pada kadar yang sama kepada umat Islam di negeri ini. Zakat tidak hanya berfungsi sebagai instrumen keseimbangan kehidupan ekonomi, tetapi juga bentuk keadilan Islam untuk mentransformasikan kelebihan harta. Antara matlamat LZS kepada penerima bantuan zakat adalah dengan membantu mereka keluar dari kepompong kemiskinan agar suatu hari nanti mereka tidak lagi menerima bantuan zakat, tetapi akan turut sama menjadi pembayar zakat untuk membantu orang lain pula.

7. Apakah saranan Dato' terhadap individu/syarikat yang lebih suka mengagihkan zakat secara sendiri tanpa melalui badan/institusi yang telah dilantik?

Zakat itu perlu disalurkan kepada institusi yang telah dipertanggungjawabkan seperti LZS. Ini kerana LZS mempunyai kemampuan bagi mengutip dan mengagihkan zakat secara berkesan dan menyeluruh. Di samping itu, LZS juga telah mempamerkan satu tahap perkhidmatan yang amat profesional dan berkualiti dalam mengurus wang zakat melalui pelbagai pendekatan yang praktikal bagi menarik minat pembayar zakat, contohnya pembayaran zakat melalui internet dan sebagainya bagi kemudahan pembayar zakat.

Institusi ini juga telah dinaiktaraf atau dijenamakan semula dengan nama Lembaga Zakat Selangor kerana berjaya mencapai satu tahap kualiti perkhidmatan yang terbaik di negeri ini. Semua ini adalah bukti mengapa kita perlu menyalurkan zakat kepada institusi yang telah dipertanggungjawabkan.

8. Apakah saranan Dato' terhadap LZS (MAIS) bagi membendung individu atau syarikat yang lebih suka mengagihkan zakat secara sendiri tanpa melalui badan/institusi yang dipertanggungjawabkan?

LZS perlu sentiasa membuat kajian dan mencari punca serta jalan penyelesaian yang terbaik, di samping mengekalkan kepercayaan para pembayar zakat dengan memberikan perkhidmatan '*kelas pertama*'. Perhatian juga perlu diberikan kepada bagaimana pengelolaan zakat itu dapat diurus secara sistematik dan telus.

Selain itu pengurusan wang zakat perlu dilakukan berdasarkan kajian, akurasi data dan prioriti, agar tujuan asas dari pelaksanaan zakat, betul-betul mencapai tujuan yang dikehendaki Islam. Selain itu, pendekatan yang digunakan haruslah praktikal dan boleh menarik minat masyarakat serta bersesuaian dengan perkembangan semasa di samping sentiasa menepati syariat Islam.

LZS juga bukan sahaja perlu meningkatkan jumlah pembayar zakat, tetapi yang lebih utama adalah peningkatan kadar zakat yang dikutip daripada setiap individu Muslim/syarikat di negeri ini. Saya percaya dengan kesungguhan dan perancangan yang baik, segala usaha LZS akan sentiasa diberkati, mendapat keredhaan Allah dan akhirnya akan terus mencapai kejayaan dan menjadi contoh kepada institusi-institusi zakat sama ada di dalam atau di luar negara.